

24 SEP 1996

Hamid-AIDS

INSTITUSI KEKELUARGAAN MANTAP ATASI GEJALA AIDS

MELAKA, 24 September (Bernama) -- Pembentukan institusi kekeluargaan yang mantap akan menjadi asas dalam usaha menangani gejala AIDS di negara ini, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata institusi kekeluargaan memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju sesebuah keluarga dan pembentukan anggota keluarga itu sendiri.

"Pendedahan kepada anak-anak terhadap bahaya HIV dan AIDS akan menjadi pendidikan asas bagi menjamin kesejahteraan rohani dan jasmani individu berkenaan," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Mencegah AIDS Demi Kelangsungan Generasi Berkualiti di Ayer Keroh di sini.

Seminar dua hari yang bermula hari ini anjuran Kementerian Kesihatan, Bahagian Hal Ehwal Islam, Persatuan Perubatan Islam Malaysia dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Kira-kira 150 orang menghadirinya.

Sebanyak 14 kertas kerja dibentangkan sepanjang seminar itu termasuk kertas kerja Presiden Majlis AIDS Malaysia, Puan Marina Mahathir dengan kertas kerja bertajuk "Pencegahan AIDS: Pendekatan Majlis AIDS Malaysia".

Dr Abdul Hamid berkata dalam usaha menangani masalah AIDS, kerjasama semua pihak termasuk agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu memainkan peranan mereka.

"Aktiviti yang dijalankan setakat ini memuaskan, tetapi jika dapat dilaksanakan dengan penyertaan yang lebih menyeluruh terhadap kesan dan punca jangkitan AIDS, ia akan memberi gambaran yang lebih jelas," katanya.

Beliau berkata faktor yang menyebabkan seseorang itu terjebak dengan AIDS terdiri daripada faktor dalaman dan luaran yang membabitkan nafsu, persekitaran yang berubah dan tekanan atau pengaruh kawan. -- BERNAMA

MYD NMO